

Dr Mahathir

tunggu

penjelasan

kerajaan

PETALING JAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau menunggu penjelasan terperinci yang akan dikemukakan kerajaan berhubung semua persoalan yang beliau bangkitkan.

Katanya, sementara menunggu penjelasan itu, beliau tidak mahu mengulas atau membuat sebarang spekulasi mengenainya.

"Kita akan tunggu (kerajaan memberi penjelasan). Saya tidak mahu menjawab sekarang dan saya enggan membuat spekulasi," katanya ketika ditanya pemberita mengenai pandangan beliau terhadap jawapan yang bakal diberikan oleh kerajaan terhadap isu yang telah beliau dibangkitkan.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri majlis dialog sempena "International Conference on Human Security" anjuran Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini malam tadi.

Semalam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, mengumumkan bahawa kerajaan akan mengklasifikasikan semula status dokumen dianggap rahsia dalam isu rundingan dengan Singapura bagi membolehkan rakyat mendapat penjelasan terperinci dan terbuka berhubung semua persoalan yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir.

Beliau berkata, dokumen itu termasuk fakta perjanjian berhubung isu tanah KTM Berhad (KTMB), jambatan menggantikan Tambak Johor serta kandungan surat menyurat antara kedua-dua negara.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata rakyat akan diberi penjelasan terbuka dari semasa ke semasa mengenai segala persoalan yang dibangkitkan Dr Mahathir.

Katanya, penjelasan terperinci itu sama ada melalui dokumen lengkap dengan rujukan atau dalam bentuk risalah, diputuskan sebagai cara paling berkesan untuk menghapuskan tanda tanya atau keraguan, dengan butir mengenai isu berbangkit serta huraian akan dikeluarkan kementerian berkaitan.

Minggu lalu, Dr Mahathir membuat kritikan paling keras terhadap kerajaan dengan mendakwa ia melanggar janji untuk meneruskan keputusan yang telah dibuat oleh pentadbiran yang dipimpinnya sebelum ini.

Bekas Perdana Menteri itu secara terus terang meluahkan segala-galanya mengenai hubungannya yang agak tidak sekata dengan kerajaan berpunca daripada beberapa isu, termasuk pembatalan cadangan projek pembinaan sebuah jambatan bagi menggantikan tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dan Singapura. - Bernama

*Kita akan tunggu
(kerajaan memberi
penjelasan). Saya tidak
mahu menjawab
sekarang dan saya
enggan buat spekulasi"*

Dr Mahathir Mohamad

Bekas Perdana Menteri